



OKTOBER 2018

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Laman Nurani

"Dan Allah akan menambah hidayah kepada orang-orang yang mendapat petunjuk dan amalan-amalan saleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."

Surah Maryam, ayat 76.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Oktober 2018 - Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Olimpik Belia Musim Panas Kali Ke-3 berlangsung di Blik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkhiah, Berakas. Teks sabda DYTМ telah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. DYTМ menyarankan, agar mereka sentiasa berwaspada dan menjaga keselamatan dan kesihatan masing-masing, kerana kesihatan mereka akan menentukan minda dan daya saing yang kuat, sekali gus memperkasa semangat juang dalam diri masing-masing. Negara kita pada kali ini telah pun diberikan tiga tempat dalam 'Universality Places', yang terbahagi kepada satu tempat bagi atlet perempuan dalam acara sukan Olahraga dan dua tempat bagi atlet lelaki dan perempuan bagi sukan Renang. DYTМ seterusnya berharap agar mereka akan sentiasa melakukan yang terbaik bagi diri mereka semasa berada di Buenos Aires nanti bagi menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam.



REPUBLIK SINGAPURA, Khamis, 4 Oktober 2018 - Negara Brunei Darussalam bersama-sama negara-negara ahli ASEAN menyokong pelaksanaan ASEAN *Enabling Masterplan 2025: Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities*, salah satu dokumen yang akan disahkan oleh Ketua-Ketua Kerajaan/Negara ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-33 nanti. Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin pada Sesi Retreat ke-2 bagi Menteri-Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC), yang mendahului Mesyuarat Ke-20 Majlis ASCC pada 3 Oktober 2018 di Republik Singapura.

TUNGKU, Sabtu, 6 Oktober 2018 - Forum Belia Chevening Brunei (BCYF) anjuran Alumni Chevening Brunei membincangkan wawasan, cabaran dan peluang-peluang ke arah pembangunan untuk menangani cabaran-cabaran seperti pengangguran, gangguan digital dan pengembangan kemahiran yang diperlukan bagi pembangunan industri 4.0. Pada majlis pembukaan BCYF, Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay dalam ucapannya berkata, BCYF mengalakkan penglibatan aktif antara alumni Skim Biasiswa Chevening United Kingdom dengan para belia pelbagai latar belakang di Negara Brunei Darussalam untuk membincangkan dan berkongsi pendapat dan pandangan mengenai isu-isu kebangsaan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa 9 Oktober 2018 – Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 di Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Sesi Pemberiagan Wawasan Brunei 2035 kepada kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya. Sesi pemberiagan diadakan di Dewan Digadong kementerian tersebut. Tujuan sesi pemberiagan tersebut adalah untuk memberigakan maklumat asas dan peranan masyarakat umum dalam menyokong perlaksanaan Wawasan Brunei 2035. Usaha ini adalah bagi memastikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam boleh menjiwai Wawasan Brunei 2035 dengan melahirkan rasa tanggungjawab bagi sama-sama merealisasikan Wawasan Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Oktober 2018 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan satu tabung bantuan kemanusiaan, iaitu Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) dan seterusnya penubuhan bagi Jawatankuasa Khas, iaitu Jawatankuasa Kebangsaan TKBS. Sehubungan itu, Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin TKBS diadakan petang tadi di Dewan Citra Budaya, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penasihat Bersama bagi Jawatankuasa Kebangsaan TKBS. Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai Kanan kerajaan lain dan para wakil daripada pihak DST dan PCSB.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Oktober 2018 -

Sesi Permuzakarahannya antara KKBS bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei (PSB), Bandar Seri Begawan. Mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menghidupkan semula program Peladang Muda jelasnya, KKBS telah meningkatkan lagi kerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) dan yang terbaharu, bersama syarikat-syarikat yang menjalankan perusahaan pertanian untuk dijadikan sebagai rakan strategik yang mana pihak MPRT akan memberikan asas, modal tanah dan kursus bersesuaian kepada belia-belia yang berminat, sementara KKBS berperanan untuk mengenalpasti belia-belia yang berpotensi dan berminat. Yang Berhormat Dato Menteri KKBS juga menyentuh tentang mengoptimalkan penggunaan prasarana KKBS melalui pendekatan inklusif yang melibatkan return of investment. Taklimat berhubung perkembangan sektor-sektor di bawah KKBS juga disampaikan oleh Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Oktober

2018 - Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-61 dan Hari Malaysia Ke-55 Tahun 2018 disambut dengan Majlis Resepsi yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dalam ucapan alu-aluan, Kuasa Usaha Sementara Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam, Danyang Rafedah binti Abdul Aziz memetik kata-kata Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tun Dato Laila Utama Dr. Mahathir Mohamad semasa lawatan rasmi ke negara ini sebagai berkata, "Prinsip kebersamaan merupakan kunci kepada hubungan erat Malaysia dan Brunei Darussalam dan saya melihatnya dalam konteks 'kawan rapat' yang telah mengenali antara satu sama lain dalam jangka masa yang lama." Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Nurhayana Janis binti Abdullah Lim.



MENTIRI, Jumaat, 12 Oktober 2018 - Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Selamat bagi pelajar-pelajar Wakaf Ilmu berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Mentiri. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyeru para pelajar supaya meningkatkan kecintaan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, cinta kepada Al-Quran, ibu bapa, pemimpin dan guru-guru kerana dengan itu, mereka akan mendapat rahmat dan keredhaan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta jempu-tan-jemputan khas.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Oktober 2018 - Society for Community Outreach and Training (SCOT) menganjurkan bengkel 'Youth Against Poverty Ke-3' yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jerudong. Bengkel membawakan tema 'The Passion Meets Innovation' yang bertujuan untuk menerapkan semangat belia dan mencipta idea serta kreativiti yang lebih jauh, dengan harapan ia akan dapat mewujudkan projek-projek berkaitan dalam pengurangan kemiskinan. 'Youth Against Poverty' tahun ini juga diisikan dengan simposium dikendalikan bersama Institut Pengajian Dasar, UBD. Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Juga hadir, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad.



MENTIRI, Ahad, 14 Oktober 2018 - Perlawanan Golf Amal Terbuka 2018 yang dianjurkan oleh ED PUJA berakhir dengan penyampaian derma bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi, Persatuan SMARTER dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) yang berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri. Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi menerima sebanyak BND2,900 manakala Persatuan SMARTER menerima BND1,000 dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menerima BND1,000. Hadir menyempurnakan derma dan hadiah ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

SENGKURONG, Ahad, 14 Oktober 2018 - Untuk memupuk minat orang ramai khususnya para belia untuk menimba pengalaman dalam membudayakan aktiviti seni suara burung, satu Majlis Perasmian Pertandingan Seni Suara dan Gaya Burung Edisi Ke-2 Tahun 2018 diadakan di Lot G, Simpang 31, Jalan Lampaki, Kampung Mulaut. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pertandingan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Yang Berhormat Dato Menteri juga menerima sumbangan derma bagi Tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) berjumlah BND1,150 daripada Syarikat Mohammed Norfaizal bin Haji Zainuddin dan Anak-Anak.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Oktober 2018 - Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) dengan kerjasama Kris Karmila Kreations dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Persembahan Penutup sempena Bengkel Irama Seni Tradisi Negara Brunei Darussalam - Indonesia 2018 bertempat di KBRI, Jalan Kebangsaan. Dalam ucapan alu-aluan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko antara lain menjelaskan, muzik menyatukan rakyat dari berbagai negara khususnya melalui Gulintangan, Gamelan dan Angklung. Tambahnya, alat-alat muzik tradisional itu perlu dipelihara dan disesuaikan menerusi era dinamik yang akan datang, supaya ia diminati oleh generasi muda dan tidak pernah kehilangan ciri-cirinya yang unik.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Oktober 2018 - Persembahan Kebudayaan Kebangsaan daripada para peserta SSEAYP Ke-45 telah diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan. Persembahan Kebudayaan Kebangsaan (*National Presentation*) tersebut akan dipersembahkan oleh kontinjen negara semasa majlis-majlis resepsi di negara-negara port of call dan juga sebagai aktiviti pengenalan negara di atas kapal (*on-board activities*). Program tersebut disertai seramai 28 belia dan seorang Ketua Kontinjen (*National Leader*) negara ini bersama 330 belia dari 11 buah negara ASEAN dan Jepun selama 52 hari bermula 23 Oktober hingga 13 Disember 2018 di Tokyo, Jepun dan akan berhenti di beberapa negara yang disinggahi (*port of call*) iaitu Brunei Darussalam, Manila, Bangkok, dan Ho Chi Minh City sebelum kembali ke Tokyo. Hadir menyaksikan pra-tonton Persembahan Kebudayaan Kebangsaan daripada para peserta SSEAYP ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Oktober 2018 -

Atas dasar pemeduliaan kerajaan dalam membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa bencana kebakaran dan rumah roboh, satu majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan telah diadakan di Bilik Kunjungan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Bantuan kewangan kerajaan tersebut diserahkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin kepada mangsa rumah roboh di Kampung Burong Pingai Ayer pada 24 Julai 2018 dan mangsa kebakaran rumah di Kampung Kiarong pada 13 September 2018 yang lalu. Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir serta Pegawai-pegawai Kanan daripada KKBS dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

MANGGIS, Isnin, 15 Oktober 2018 - Kedutaan Republik Turki di Negara Brunei Darussalam buat julung kalinya menganjurkan Pameran karya seorang pelukis tempatan, Awang Haji Dayang bin Haji Mutalip yang meraikan 40 tahun dalam bidang seni lukis sekaligus bersempena dengan Ulang Tahun Ke-5 pembukaan Kedutaan Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam. Awang Haji Dayang merupakan pelukis tempatan yang telah memenangi pelbagai anugerah dan pencapaian termasuk memenangi tempat pertama dan kedua dalam beberapa pertandingan melukis bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tempat pertama dalam Pertandingan The Green Heart of Borneo serta Honourable Mention pada Philip Morris ASEAN Art Awards. Pameran dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Juga hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun dan Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.





BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober 2018 - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menghulurkan sumbangan kewangan berjumlah BND50,000 ke Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) sebagai keprihatinan terhadap mangsa dan bagi menyokong penubuhan tabung berkenaan. Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berikutan kejadian gempa bumi berukuran 7.7 skala Richter di Sulawesi, Indonesia yang mencetuskan Tsunami pada 28 September lalu. Sumbangan disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Ahli Lembaga Pengarah YSHHB selaku Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Penasihat Bersama TKBS.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober 2018 – Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Kontinjen NBD bagi SSEAYP Ke-45, 2018, bertempat di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Kontinjen NBD bagi SSEAYP Ke-45, 2018 menyatakan para peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-45, 2018 mempunyai amanah sebagai duta kecil untuk menzahirkan rasa cinta dan kebanggaan dengan sepenuhnya pada negara semasa berada di sepanjang program itu nanti. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil bersama wakil-wakil daripada Kedutaan Jepun di NBD.





BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa 23 Oktober 2018 - Satu sesi taklimat dan jerayawara mengenai dengan pemberi-igian produk-produk TAP dan taticara penggunaan perkhidmatan online e-Amanah telah diadakan di Dewan Digadong, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kakitangan-kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan dibawah digalakkan untuk hadir mendengar dan bertanya kepada wakil-wakil TAP mengenai perkhidmatan atau produk yang tersedia.

Yogyakarta, 24-25 Oktober 2018— Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadiri Mesyuarat Ke-8, Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Bagi Kebudayaan Dan Kesenian di Yogyakarta, Jakarta, Indonesia.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Oktober 2018 – Festival Korea 2018 diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 28 Oktober, di Pusat Beli-Belah Times Square, Berakas. Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, PYT Yoon Hyun Bong dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan Festival Korea 2018 merupakan salah satu acara kebudayaan penting anjuran Kedutaan Republik Korea sejak ia mula diadakan pada tahun 2014 yang memperlihatkan pelbagai aspek kebudayaan Korea.



Bandar Seri Begawan, Sabtu, 17 Oktober 2018 - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima kunjungan hormat daripada Lembaga Adat Melayu Riau (LAMR), sebuah institusi yang ditubuhkan untuk memelihara dan membangunkan Budaya Melayu di Riau. Rombongan yang terdiri daripada 5 orang pegawai tinggi LAMR itu diketuai oleh Datuk Seri Syahril Abubakar, Pengerusi Lembaga Eksekutif LAMR. Pada perjumpaan ini, kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan mengenai pembangunan dan pengurusan adat dan budaya Melayu.



JERUDONG, Ahad, 28 Oktober 2018 - Majlis Perasmian Forum BASMIDA 2018 berlangsung di Parkview Hotel Jerudong dengan tajuk forum iaitu 'Keluarga Sakinah Mewujudkan Masyarakat Bahagia'. Yang Berhormat menegaskan usaha untuk membanteras penyalahgunaan dadah di kalangan ahli keluarga amatlah kritikal demi untuk menjamin rasa cinta di antara ahli keluarga dan rumah tangga, dari akhlak dan perasaan cinta tulen inilah terbinanya keluarga yang sakinah dan kukuh, dan insyaaAllah di sinilah wujud-

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Oktober. – Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi menerima sumbangan berjumlah \$16,910 daripada Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) dan Masyarakat Tiong Hua dalam majlis berasingan yang berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Sumbangan sebanyak BND1,180.00 telah diserahkan oleh Presiden PESEBAR, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Dr. Haji Awang Yahya bin Haji Awang Ibrahim, manakala penyerahan derma sumbangan daripada Masyarakat Tiong Hua berjumlah BND15,730.00 telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin; Yang Berhormat Awang Ong Tong Oh; Dato Ting Jack Chai serta wakil-wakil daripada Masyarakat Tiong Hua kepada Yang Berhormat Menteri KBS.



Sumber Berita: Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan : Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar: Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto: Hajah Ajjah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh, Ak Zainorisnan Pg Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Oktober. – Hubungan Negara Brunei Darussalam dan Thailand terus diperkukuh dalam pelbagai bidang merangkumi kerjasama pendidikan, kesihatan, maklumat dan penyiaran serta pelabuhan. Puteri Diraja Thailand, Duli Yang Teramat Mulia Puteri Maha Chakri Sirindhorn berada di Negara Brunei Darussalam selama dua hari dan DYTM juga mengetuai lawatan sekumpulan Kadet Tahun Keempat dari Chulachomkiao Royal Military Academy of Thailand. DYTM dan rombongan juga mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja dan Pusat Sejarah Brunei (PSB) di ibu negara.



Sumber Berita: Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan : Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar: Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto: Hajah Ajjah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh, Ak Zainorisnan Pg Othman